



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**13 FEBRUARI 2018 (SELASA)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |   |    |
|---|----|
| - Serik guna air karat                  | 20 |
| - Iskandar edar 500 baucar Jom Shopping | 20 |

**Harian Metro**

- |                    |    |
|--------------------|----|
| - Lesen kebal judi | 07 |
|--------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**13 FEBRUARI 2018 (SELASA)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Serik guna air karat
Muka Surat	20

SH 12/2/18 n/s 20  
**Serik guna air karat**

Penduduk dakwa masalah telah berlarutan sejak beberapa tahun lalu

**TAMAN MUDA** – Penduduk di sebuah pangsapuri di sini, mengeluh apabila terpaksa berdepan bekalan air bersih sejak beberapa tahun lalu.

Seorang penduduk A G Ahbail berkata, dia terpaksa membeli bekalan air bersih untuknya sekeluarga kerana masalah ini.

"Saya terpaksa beli air bersih di luar untuk kami sekeluarga minum kerana kediaman kami berdepan dengan masalah kualiti bekalan air paip yang tidak memuaskan sejak beberapa tahun lalu," katanya.

Warga emas berusia 62 tahun itu mendakwa bekalan air di kediaman mereka turut mengeluarkan bau busuk.

"Saya harap batang paip sedia ada di kawasan ini dapat ditukar baru demi kesejahteraan kami," katanya.

Seorang lagi penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Alan Yeoh, 40, berkata, masalah berkenaan sudah lama berlarutan menyebabkan segelintir penduduk terpaksa menggunakan penapis air untuk menapis air bagi kegunaan harian.

"Tidak semua penduduk di sini mampu beli penapis



Ben Liew melihat keadaan cat bumbung kereta yang rosak.

**INFO**

● Penduduk bersama MC pangsapuri telah keluaran kos RM2,000 untuk memasang pengadang pada batang paip

air sebab harganya mahal. Malah air berkarat yang menitik di atas kereta, turut merosakkan cat kenderaan kami," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Biro Perkhidmatan dan Aduan Awam Gerakan, Ben Liew Pok Boon memaklumkan pihaknya telah menerima aduan berhubung isu tersebut.

"Penduduk bersama

Perbadanan Pengurusan (MC) pangsapuri di sini mengeluarkan kos sebanyak RM2,000 untuk memasang pengadang pada batang paip agar air tidak menitik jatuh ke atas kereta pemilik kediaman di sini.

"Saya akan hantar surat kepada agensi berkaitan agar masalah ini dipandang serius dan ada satu resolusi penyelesaian bagi masalah

ini," katanya.

Dalam perkembangan sama, Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, pihaknya sedia maklum berhubung aduan yang dibangkitkan oleh penduduk.

"Pihak MC perlu menyelesaikan masalah itu bersama penduduk," katanya.

Dalam pada itu, *Sinar Harian* difahamkan pihak Air Selangor telah pergi ke pangsapuri berkenaan untuk melakukan pemeriksaan dan tindakan lanjut.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>13 FEBRUARI 2018 (SELASA)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Iskandar edar 500 baucar Jom Shopping
Muka Surat	20





**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
 PANDAN INDAH, SELANGOR,  
 55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>13 FEBRUARI 2018 (SELASA)</b>	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Lesen kebal judi
Muka Surat	07



## Lesen kebal judi

### ■ Pemberian KPI, PHK menjadikan sindiket perjudian bercambah

Skuad Khas Harian Metro  
 am@hmetro.com.my

#### Kuala Lumpur

**P**emberian lesen Kedai Permainan Interaktif (KPI) dan Pusat Hiburan Keluarga (PHK) yang dikeluarkan pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh Selangor menjadikan sindiket perjudian di negeri berkenaan 'kebal'.

Menurut sumber, pengeluaran lesen PHK dihentikan di kebanyakan negeri di Malaysia selepas desakan keraja Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana hasil siasatan mendapati sindiket perjudian menjadikannya sebagai tiket menjalanakan kegiatan haram secara terbuka.

"Contohnya lesen PHK di ibu kota sudah tidak lagi dikeluarkan. Tetapi di Selangor bukan hanya lesen PHK, kini ada lesen baru iaitu KPI dikeluarkan PBT. Sindiket mengambil kesempatan menjalanakan perniagaan kerana mereka mempunyai lesen ini," katanya.

Diminta menjelaskan perbezaan di antara kedua-dua lesen berkenaan, sumber itu berkata, lesen berkenaan hanyalah pada nama dan pe-

milikannya membolehkan sindiket perjudian beroperasi bagi tempoh setahun. "Tak kisahlah disebut lesen ataupun, ia sama saja iaitu lesen dikeluarkan PBT bagi membolehkan pemilik lesen menjalankan premis perniagaan berdasarkan mesin permainan yang kemudiannya digunakan sindiket untuk perjudian," katanya.

Skuad Khas Harian Metro difahamkan harga dikenakan PBT bagi satu unit mesin simulator adalah antara RM120 hingga RM200. Malah segelintir pemilik lesen dikesan membelanjakan hampir RM20,000 bagi mendapatkan lesen permainan berkenaan bagi satu premis.

Menurutnya, lesen dikeluarkan PBT di seluruh Selangor itu menyebabkan misi menghapuskan premis perjudian oleh Ketua Polis Negara Tan Sri Mohamad Puzi Harun gagal.

"Iu tidak termasuk premis haram yang jalankan perjudian secara tersembunyi. Ditambah dengan premis berlesen segini, sam-

pai bila pun judi di Selangor tidak akan selesai," katanya. Dimaaklumkan terdapat sekurang-kurangnya 40 lesen seumpama itu dikeluarkan PBT di seluruh Selangor terutama di Ampang, Subang, Serdang, Kajang, Klang, Gombak dan Shah Alam.

"Di Ampang saja, ada lebih puluhan premis mempunyai lesen berkenaan. Tidak termasuk daerah lain di Selangor," katanya.

Sumber berkata, biarpun pemilik lesen itu tidak melebihi peruntukan undang-undang mengenai kegiatan perjudian di Selangor.

"Segelintir timbalan pendakwa raya enggan melakukan pertuduhan disebabkan pemilihan kedua-dua lesen itu walaupun Bahagian Perjudian Maksiat dan Kongsi Gelap (D7) di setiap daerah

atau kontinjen melakukan tangkapan terhadap pengatur dan pemain.

"Sekarang kerana lesen itu siapa yang bermasalah? Bagaimana PDRM nak buat kerja atau hapuskan perjudian? Akhirnya polis juga di-tuduh tak jalan tugas ataupun mengambil rasuah," katanya.

Menurutnya, pengeluaran lesen itu dimanipulasi sindiket untuk menjalanakan kegiatan terbit secara terbuka.

"Sebelum ini, premis PHK banyak dijalankan di pusat beli-belah atau pasar raya. Lesen baru dikeluarkan ini (KIP) pula barikan pemilik jalankan perniagaan di bangunan atau lot-lot kedai.

"Kegagalan hapuskan perjudian di Selangor adalah kerana lesen dikeluarkan PBT Selagi tidak dihentikan, kegiatan perjudian di negeri itu akan terus berleluasa," katanya.

Sejak Sabtu lalu, Harian Metro melaporkan tindakan perang habis-habisan terhadap premis perjudian dalam talian di seluruh negara yang disyitiharkan Bukit Aman hujung tahun lalu kelihatan belum terlaksana sepenuhnya.

13-02-2018

HM 13/2/18 N/S 07  
 setempat 7

## Lesen dimanipulasi sindiket perjudian

**Kuala Lumpur:** Lesen Pusat Hiburan Keluarga (PHK) dan Kedai Permainan Interaktif (KPI) yang dikeluarkan pihak berkuasa tempatan (PBT) dimanipulasi sindiket perjudian bagi menjalankan kegiatan haram itu di seluruh Selangor.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman Datuk Seri Wan Ahmad Najmuddin Mohd dalam kenyataannya kepada Harian Metro berkata, pihaknya mengesan beberapa sindiket perjudian berse-



WAN Ahmad Najmuddin

lingtung di sebalik lesen PHK yang kemudian di-salah gunakan kumpulan terbit bagi menganjurkan aktiviti perjudian.

Menurutnya, pada 2017, PBT sudah disarankan supaya membatalkan semua lesen PHK yang berunsur perjudian.

"Namun pada 2018, kerajaan negeri Selangor dan PBT tetap meneruskan pengeluaran PHK. Selain itu, lesen baru yang men-

jurus kepada kegiatan perjudian seperti KPI turut dikeluarkan.

"Premis PHK dan KPI ini dikesan menggunakan mesin simulator yang sememangnya menjurus

kepada permainan mesin judi," katanya yang menegaskan tindakan berterusan dilakukan pihaknya bagi membanteras kegiatan berkenaan.

Wan Ahmad Najmuddin berkata, Op Dadu Khas dilancarkan pihaknya sejak September 2017 bagi memerangi kegiatan perjudian di seluruh negara termasuk di Selangor.

"Op Dadu Khas masih diteruskan pada tahun ini dengan menggunakan pelan strategik bagi mengesan dan mendakwa penangan perjudian dengan tindakan mengikut Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA)," katanya.

## Polis tak lulus, lesen tak keluar

**Kuala Lumpur:** Kegagalan menghapuskan pusat perjudian di Selangor menerima dua reaksi berbeza daripada agensi berkaitan yang saling memuding jari antara satu sama lain.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen kepada setiap premis perniagaan di daerah masing-masing mengat-

kan setiap aktiviti perjudian terklud kepada bidang kuasa polis manakala mereka hanya mengeluarkan lesen.

Tetapi bagi polis pula, pengeluaran lesen premis perniagaan terutama Kedai Permainan Interaktif (KPI) atau Pusat Hiburan Keluarga (PHK) oleh PBT menyebabkan sindiket menjadikan lesen berkenaan sebagai 'tiket' untuk menjalankan kegiatan judi di secara terbuka walaupun melanggar peruntukan mengikut Akta Ru-

mah Judi Terbuka 1953.

Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Norhayati Ahmad berkata, dalam setiap permohonan membatalkan lesen hiburan, MPAJ akan mendapatkan sokongan polis.

"Sekiranya polis tidak meluluskan, kami tidak akan mengeluarkan lesen kepada pemohon. Selepas pemberian lesen, MPAJ akan memantau premis berkenaan secara berka-

la. "Jika polis melakukan serbuan dan mendapati ada aktiviti perjudian, polis akan memaklumkan kepada MPAJ untuk ambil tindakan dan kita akan membatalkan lesen serta-merta.

"Jika premis masih beroperasi semula, tindakan sista akan dilakukan kerana beroperasi tanpa lesen," katanya.